

03 MAY 1996

Mohamed-Kelantan

MT AKAN BINCANG PERKEMBANGAN DI KELANTAN

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perkembangan yang berlaku di Kelantan khususnya yang membabitkan isu cadangan pindaan Perlembagaan Kelantan bagi menghadkan kuasa Raja akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini esok, kata Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat.

"Sebarang perkembangan yang mengaitkan parti akan sentiasa diambil kira dan akan dibincangkan pada mesyuarat MT, " katanya kepada pemberita di Angkasapuri di sini hari ini.

Perdana Menteri dan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di Bandar Seri Begawan, Brunei Isnin lepas yang Umno akan menyokong Pas pada persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan bagi cadangan meminda perlembagaan itu jika ia sesuai dengan pendirian UMNO.

Mohamed berkata MT juga akan dimaklumkan mengenai perletakan jawatan Datuk Salleh Said Keruak sebagai Ketua Menteri Sabah.

Berikutan tindakan Salleh itu, Mohamed menasihati anggota parti menyokong tindakan itu kerana ia selaras dengan penggiliran ketua menteri yang dijanjikan Dr Mahathir semasa pilihan raya negeri Sabah 1993.

"Apa yang berlaku adalah masalah parti dan bukan individu dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah diberi mandat oleh anggota untuk membuat keputusan yang harus dihormati, " katanya.

Selain itu, MT juga dijangka membincangkan persiapan terakhir sambutan Ulang Tahun ke-50 UMNO yang bermula minggu depan.

Semasa ditemui di pusat pendaftaran calon UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini petang ini, beliau berkata semua borang permohonan calon akan disemak bagi memastikan calon-calon yang bertanding mematuhi peraturan.

"Semua calon layak bertanding kecuali mereka yang pernah diisytiharkan muflis, dikenakan tindakan disiplin atau akta pertubuhan dan kumpulan A, " katanya.

Katanya, pendaftaran yang tutup pada Selasa depan dan bilangan yang mendaftar akan dimaklumkan kepada MT akan datang.

-- BERNAMA

ARA AHH